

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.11.2016**

**Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a) berapakah jumlah keuntungan GST yang telah dikutip semenjak ia dilaksanakan ; dan
- b) jumlah kutipan GST yang telah digunakan untuk membantu meringankan bebanan rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak

RM27.012 bilion manakala bagi tahun 2016, hasil kutipan GST sehingga 31 Oktober 2016 adalah sebanyak RM32.709 bilion. Semua hasil cukai GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi tujuan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah menambah baik sektor pendidikan, kesihatan dan penambahbaikan kemudahan infراكstruktur untuk manfaat rakyat serta keperluan pembangunan dan kemajuan ekonomi negara.